

Headline **Majlis makan malam jururawat HPC**  
Date **19 May 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **15**  
Article Size **122 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,061**  
PRValue **3,182**



# Majlis makan malam jururawat HPC

**MERIAH** – Sempena Hari Jururawat Sedunia yang disambut pada 12 Mei setiap tahun, Hospital Pantai Cheras (HPC) telah menganjurkan satu majlis makan malam bagi meraikan jururawat HPC di Restoran Cerana, Cheras baru-baru ini.

Majlis tersebut adalah sebagai menghargai tugas jururawat dalam menjalankan tugas melayani pesakit yang menerima rawatan di hospital tersebut.

Selain jururawat, turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif HPC, Chong Siet Fong.

“Jururawat di HPC sentiasa menggalas tugas dengan cekap dan terlatih kerana mereka dilatih oleh kolej HPC sendiri iaitu Kolej Jururawat Pantai dan Sains Kesihatan yang terkenal dalam melahirkan jururawat yang cemerlang,” katanya.



SEBAHAGIAN daripada jururawat HPC yang hadir pada majlis makan malam di Restoran Cerana, Cheras baru-baru ini.